



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing

YB Tan Sri Azhar Azizan Harun

Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Aras 1 Blok Utama
Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

13 Julai 2022

Sokongan Terhadap Bil Draft Rang Undang-Undang (RUU) Ahli Persendirian berkenaan Akta Pendanaan Politik

Assalamualaikum wrbt Tan Sri

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Buat pengetahuan pihak Tan Sri, kami merupakan antara ahli parlimen dan senator sebahagian daripada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) Mengenai Pendanaan Politik di Malaysia yang telah ditubuhkan secara rasmi pada **20 April 2022**.

3. Setelah KRPPM kami berjaya ditubuhkan, ahli KRPPM telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi membincangkan cadangan draf untuk dibentangkan di dalam parlimen. Akhirnya, kami telah berjaya menghasilkan cadangan draf tersebut dan telah memutuskan untuk membawa cadangan draf tersebut melalui Pengerusi KRPPM kami, **YB Tuan Ahmad Fadhli Shaari** sebagai Rang Undang-Undang Ahli Persendirian pada sidang parlimen 18 Julai ini

4. Tujuan surat ini adalah untuk menyatakan **sokongan penuh** terhadap cadangan bil tersebut. Berikut merupakan senarai Ahli Parlimen/ Senator daripada kumpulan ini yang memberi sokongan penuh terhadap cadangan draf bil ini:

- i. YB Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (Ahli Parlimen Lembah Pantai P:121)
- ii. YB Puan Wong Shu Qi (Ahli Parlimen Kluang P:152)
- iii. YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Ahli Parlimen Tuaran P:170)
- iv. YB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr Mahathir (Ahli Parlimen Jerlun P:005)
- v. YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Menteri Luar Negeri dan Ahli Parlimen Indera Mahkota P:082)
- vi. YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Ahli Parlimen Muar P:146)
- vii. YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan (Ahli Parlimen Pontian P:164)
- viii. YB Tuan Larry Soon@Larry Sng Wei Shien (Ahli Parlimen Julau P:209)
- ix. YB Senator Puan Fadhlina Dato' Sidek (Ahli Dewan Negara Negeri Pulau Pinang)

5. Semoga cadangan draf ini mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada pihak Tan Sri.

Kerjasama dan perhatian Tan Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing

Yang Berhormat,

YB Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil
Timbalan Pengerusi
Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM)
Mengenai Pendanaan Politik di Malaysia
Ahli Parlimen Lembah Pantai